

25/11/1998

59 koperasi terjejas kerana kegawatan ekonomi

KEMENTERIAN Tanah dan Pembangunan Koperasi mengenal pasti 59 koperasi tempatan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi, kata Timbalan Menterinya, Dr Goh Cheng Teik.

Beliau berkata, koperasi terbabit menghadapi masalah akibat kejatuhan teruk harga saham yang dibeli menggunakan pinjaman bank dan institusi kewangan serta kenaikan kadar faedah pinjaman yang menyebabkan pertambahan jumlah bayaran ansuran bulanan pinjaman sehingga menjejaskan aliran tunai koperasi.

"Bagi mengurangkan masalah yang dihadapi, koperasi yang terbabit telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah yang antaranya mengadakan rundingan dengan bank dan institusi kewangan bagi menyusun semula bayaran balik pinjaman serta memperkemaskan pengurusan kewangan," katanya menjawab soalan Dr G. Leelavati (BN-Kapar).

Menjawab soalan tambahan M Kulasegaran (DAP-Teluk Intan), Dr Goh berkata daripada 59 koperasi yang terjejas akibat kegawatan ekonomi itu hanya sembilan saja yang dalam keadaan tenat.

"Kedudukan koperasi terbabit yang sehingga 30 Jun lalu mempunyai baki pinjaman berjumlah RM13.7 juta telahpun dibawa kepada perhatian Kementerian Kewangan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata, 41 koperasi lagi dikenal pasti mampu membayar balik pinjaman manakala sembilan lagi mampu berbuat demikian jika pembayaran pinjaman mereka dijadualkan semula.

Menjawab soalan tambahan Fu Ah Kiow (BN-Mentakab), beliau berkata bagi mengelakkan koperasi daripada menghadapi masalah sama pada masa depan, kementerian menghantar pekeliling mengarahkan mereka hanya membeli saham menggunakan wang sendiri.

(END)